

**NO. SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO**

**TARIKH : 20 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9650**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan merujuk kepada S.Bala Murugan yang meninggal ketika dalam tahanan IPD Klang pada 8 Februari 2017 dan meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil berkenaan kes-kes tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelak daripada perkara ini terus berlaku di dalam lokap polis.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis atau pihak penguatkuasa yang lain dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang didapati menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian akan disiasat secara terperinci dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada daripada sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.**

**Berkaitan kes kematian Balamurugan A/L M. Suppiah di Balai Polis Klang pada 7 Februari 2016, Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis dan pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi menentukan punca kematian.**

**Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu di antaranya:-**

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;**
- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM diadakan untuk menentukan tahanan dibuat mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;**
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;**
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan;**
- f) Menjadikan naziran terhadap lokap polis sebagai *Key Performance Indicator (KPI)* Kementerian Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini sejumlah 8 lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.**

**Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak serta dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.**